

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 DECEMBER 2016

Haji 1MDB tidak mabrur – Dr. Mahathir UM-31/12/2016

KUALA LUMPUR 30 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mendapat haji yang mabrur.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu membuat dakwaan berkenaan sewaktu berceramah di Taman Wira Mergong,

Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.

Katanya, haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut kononnya haram kerana dicuri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Najib boleh menghantar 1,000 orang ke tanah suci kerana dia menggunakan duit curi, jadi penghantaran mereka ini ke Mekah adalah tidak mabrur.

“Apa yang jadi saya ingat mere-

ka tidak mendapat haji mabrur, tetapi Najib sanggup melakukan apa sahaja,” katanya.

Dalam masa sama, beliau memburukkan Perdana Menteri kononnya tergamak menggunakan duit curi semata-mata mahu ‘membeli’ hati rakyat.

“Inilah sikap Najib yang sanggup melakukan apa sahaja dan sehinggalah hari ini, kerajaan kita kekurangan duit. Malah, rakyat terpaksa

mengeluarkan wang sendiri contohnya ke hospital, kita terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk membeli ubat,” katanya.

Tuduhan sedemikian tidak mengejutkan kerana Dr. Mahathir juga pernah mengatakan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang memberi manfaat kepada jutaan rakyat yang memerlukan sebagai salah satu bentuk rasuah dan haram diterima.